

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – 10 December 2015 ( C )

# ValueCAP penandatanganan Kod Malaysia

**ValueCAP** Sdn Bhd, syarikat pegangan pelaburan milik bersama Khazanah Nasional Bhd, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) menjadi penandatanganan terbaharu kepada Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi.

Kod itu dilancarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) tahun lalu bagi membantu pelabur institusi memenuhi tanggungjawab pengawasan melalui pengaruh dan penggalakan budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat pelaburan mereka.

### Syarikat lebih baik

Ketua Pegawai Eksekutif ValueCAP, Sharifatu Laila Syed Ali, berkata pihaknya berbesar hati menjadi penandatanganan kod berkenaan kerana yakin ia akan meletakkan syarikat itu dalam kedudukan lebih baik dalam



Sharifatu Laila

menjuarai agenda kerajaan bagi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI).

“Sebagai penandatanganan, kami mahu menzahirkan jangkaan terhadap dana yang dilabur dengan berhubung secara terus dengan syarikat yang terbabit.

“Kami percaya usaha ValueCAP dalam pelaburan bertanggungjawab dan komitmen ke arah pengawasan yang

lebih mendalam akan terus menyokong objektif mengoptimalkan pulangan kepada pemegang saham,” katanya dalam satu kenyataan.

### Destinasi pelaburan pilihan

Sharifatu Laila berkata, dengan menggunakan agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bagi seluruh proses membuat keputusan pelaburan, ValueCAP melihat peluang untuk meneroka potensi mewujudkan nilai bagi syarikat yang terbabit.

Katanya, komitmen sedemikian mengukuhkan peranan ValueCAP sebagai pelabur institusi dalam memastikan tahap tanggungjawab, ketelusan dan amalan mampan yang tinggi ditunjukkan demi meningkatkan tadbir urus korporat serta memacu agenda kemampanan kerajaan dalam jangka panjang.

“Ini bukan hanya akan meningkatkan penyertaan pasaran lebih besar, malah merintis

jalan ke arah menjadikan pasaran modal Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan bagi dana bertanggungjawab secara sosial,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Rita Benoy Bushon, berkata sebagai pemilik aset, penyertaan ValueCAP sebagai penandatanganan mencerminkan komitmen syarikat pelaburan itu ke arah pemilikan bertanggungjawab dengan menggunakan prinsip termaktub di bawah Kod.

Katanya, satu daripada prinsip Kod yang berkaitan pertimbangan kemampanan termasuklah faktor ESG yang sangat rapat dengan peranan ValueCAP.

“Melalui anak syarikatnya, ValueCAP menguruskan dana ESG di mana Kod itu menyediakan panduan mengenai bagaimana pelabur institusi boleh mengguna pakai pertimbangan tadbir urus dan kemampanan ke dalam proses membuat keputusan pelaburan,” katanya.